



29 Mei 2020
29 May 2020
P.U. (B) 249

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 334/2011 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 21 Jun 2011, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 [*P.U. (A) 56/1974*] yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui Pewakilan Kuasa di bawah Seksyen 13 [*P.U. (B) 108/2003*] yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang dan telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya, memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, 3 dan 4, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur mulai pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada 17 Jun 2020.

JADUAL

Daerah : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Mukim : Batu

No. Pelan : P.A. 124479

No. Lot : 13707

Luas : 24,500 meter persegi

Bertarikh 10 Mac 2020

[PTG/WP(S).100-2/17/2 Jld 9; PTG/WP 11/BPRZ/2019/4; PN(PU2)213/XCIX]

DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Tanah

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF
LAND FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by P.U. (B) 334/2011 published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 21 June 2011, in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965] as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order 1974 [P.U. (A) 56/1974] conferred upon the Government of the Federation and is delegated to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur by notification in the Delegation of Powers under Section 13 [P.U. (B) 108/2003] published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 3 March 2003, has reserved the land described in the Schedule for a public purpose, to wit a site for site open area and has designated that the Secretary General of the Ministry of Federal Territories and Urban Wellbeing shall have control of the reserved land:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked under section 64 of the National Land Code:

NOW THEREFORE, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Government of the Federation and is delegated to it, gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Land Administrator of the Federal Territory of Kuala Lumpur at an enquiry to be held at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, 2nd, 3rd and 4th Floors, Federal House, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur from 9.00 a.m. until 4.00 p.m. on 17 June 2020.

SCHEDULE

District : Federal Territory of Kuala Lumpur

Mukim : Batu

Plan No. : P.A. 124479

Lot No. : 13707

Area : 24,500 square metres

Dated 10 March 2020

[PTG/WP(S).100-2/17/2 Jld 9; PTG/WP 11/BPRZ/2019/4; PN(PU2)213/XCIX]

DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Chairman

Land Executive Committee

Federal Territory of Kuala Lumpur